

Ms.20



• Selasa, 8 November 2016 • BH

PENCEMARAN NAJIS BABI DI KAMPUNG BATU LAUT, SELANGOR

Usah tunggu wabak JE berulang



PPIM desak kerajaan negeri selesai segera isu pencemaran

Oleh Rafidah Mat Ruzki,
Iah Hafiz Aziz dan
Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Jangan biarkan wabak Japanease Encephalitis (JE) merebak semula baru hendak bertindak.

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendesak pihak berkuasa terutama kerajaan negeri menyelesaikan segera isu pencemaran najis babi dan kemungkinan penerokaan haram hawaan itu di beberapa kawasan di daerah Kuala Langat.

"Selais segera dan jangan tunggu wabak JE menyering semula kerana ini sudah terlalu lama," kata Ketua Aktivis PPIM, Datuk

Nadzim Johan (gambar).

Beliau berkata PPIM pelik mengapa isu itu dibiarakan terlalu lama tanpa penyelesaian sehingga menjadi tidak terkawal dan menjelaskan kehidupan dan ekonomi rakyat.

Masih berlarutan

"Saya pelik kenapa masalah ini berlarutan dengan air yang terlalu kotor laut termasuk seperti tiada siapa yang melihat perkara ini terjadi sedangkan ia berkaitan dengan penyakit berbahaya."

Takkak tiada mata yang melihat dan mengambil tindakan kerana kesan pencemaran akibat najis babi boleh dilihat dengan mudah di situ. Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu terus lihat dan lakukan sesuatu," katanya.

Beliau berkata isu itu sepatutnya

sudah lama selesai jika pihak ber tanggungjawab melakukan sesuatu untuk mengelakkan kesan yang lebih buruk kepada masyarakat setia-

"Penertakan yang tidak terkawal bukan sekadar mengganggu aktiviti seharian penduduk Islam malah pencemaran yang di tahap buruk memberi kesan ke-

pada majoriti penduduk di situ," katanya.

Beliau mengulas laporan BH mengenai masalah pencemaran tahanan babi yang teruk di Kuala Langat, khususnya Kampung Batu Laut dan sekitar jeti nelayan Sungai Mekul sehingga menjejaskan ekonomi penduduk sekitar.

Malah, antara lima hingga enam

penduduk Melayu yang menjual tanah mereka yang berada hampir dengan kandang babi kerana tidak tahan dengan pencemaran serta tanah menjadi tidak produktif.

Mengulas mengenai isu penjualan tanah, Nadzim berkata, ia menunjukkan isu berkenaan menjari terlalu serius dan memerlukan tinjakan segera.

Saya pelik masalah ini berlarutan sedangkan ia berkaitan dengan penyakit berbahaya"

Nadzim Johan,
Ketua Aktivis PPIM

Mahu penjelasan Pejabat Daerah

Shah Alam: Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamed Tengku Harun, berkata beliau akan mendapatkan penjelasan daripada Pegawai Daerah Kuala Langat dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat berhubung isu pencemaran najis babi di daerah itu.

Katanya, beliau belum menerima aduan rasmi mengenainya. "Selepas dimaklumkan, saya akan bertemu Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk men-

dapatkan maklumat sebenar," katanya.

Beliau berkata pencemaran penterokan babi secara harian itu pernah ditegur oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Ketika itu, saya dimaklumkan oleh pegawai daerah bahawa kerajaan negeri bersetuju meminta dahan pengusaha ladang perternakan babi.

"Jika masalah ini terlalu serius, perkara ini akan diajukan kepada kerajaan negeri supaya tindakan se-

wajarnya dapat diambil," katanya.

Sementara itu, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pernodrmen Pertanian dan Industri Asas Tan, Zaidy Abdul Talib, menafikan penduduk yang menjual tanah seperti dilaporkan.

Katanya, semakan dengan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, antara 2011 hingga 2016, hanya ada tujuh permohonan pindah milik tanah dikemukakan.

"Ia tidak ada kaitan dengan pencemaran ternakan babi," katanya.

Fenomena jualan tanah timbul konflik lebih besar

Komentar



Prof Emeritus Ibrahim Komoo

Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN) dan Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Penjualan tanah oleh komuniti Melayu (Islam) di kawasan Tanjung Sepat terutamanya di Batu Laut, Bukit Untung dan Tanjung Laut kerana usaha penerokaan babi dikatakan mencemari tanah dan air disebabkan najis babi, perlu ditangani kerajaan secara ber-

maudah contohnya di bahagian hulu diukur pertanian jangka panjang (kelapa sawit dan getah), pertanian kontan (sayur-sayuran), dan di bahagian hilirnya penerokaan, dan akhirnya di kawasan hutan untuk ternak babi (amat sensitif kepada komuniti Melayu).

Sebagai contoh, di bahagian hilir elok dibiarakan sebagai kawasan hutan diukur pertanian jangka panjang (kelapa sawit dan getah), pertanian kontan (sayur-sayuran), dan di bahagian hilirnya penerokaan, dan akhirnya di kawasan hutan untuk ternak babi (amat sensitif kepada komuniti Melayu).

Ini contoh nyata isu pertanian dan alam sekitar menjangkau melampaui isu pencemaran, tetapi babit aspek keharmonian kaum, khususnya kepercayaan dan agama penduduk mayoriti negara.

Perancangan pembangunan wilayah, khususnya aktiviti sensitif alam sekitar dan budaya perlu di-

bent perhatian paling tinggi dalam pengurusan pembangunan dan alam sekitar atau sering disebut pembangunan lestari.

Rancangan pembangunan pertanian dan penerokaan dalam

sebuah lembangan sungai perlu diberi perhatian kepada aktiviti tidak cemar alam sekitar hingga kepada pencemaran memudarkan, seterusnya aktiviti mencebur yang boleh bawa konflik berterusan kepercayaan atau agama.

Sebagai contoh, di bahagian hulu diukur pertanian jangka panjang (kelapa sawit dan getah), pertanian kontan (sayur-sayuran), dan di bahagian hilirnya penerokaan, dan akhirnya di kawasan hutan untuk ternak babi (amat sensitif kepada komuniti Melayu).

Lembangan sungai adalah satu sistem tertutup yang mana proses hidrologi, hidrogeologi dan ekologi berkait rapat. Contohnya, setiap titik hujan yang turun ke lembangan akan dialirkan akar sungai, bercantum dan akhirnya masuk sungai utama dan ke laut.

Air yang meresap ke tanah, bergerak lebih perlahan, muncul ke permukaan sebagai mata air, dan akhirnya ke sungai utama dan ke laut.

Oleh itu, semua pencemaran di-

bahagian hulu dan sepanjang anak sungai diangkat dan akhirnya mencemari hilir sungai, proses yang sering timbulkan masalah alam sekitar dan penduduk sekitar lembangan. Di Tanjung Sepat umpannya, najis dan pencemaran ternakan babi meresap ke tanah dan berkumpul dalam kuantiti tinggi.

Setiap kali musim hujan apabila air meresap dan mengalir keluar ke sungai, ia mencemari air sungai dan seterusnya ke laut. Oleh kerana kurang kawalan pencemaran dikenakan kepada pengusaha, kadar pencemaran meningkat, bau najis semakin ketara hingga menimbulkan rasa cemas dan tidak berpuas hati komuniti Melayu yang memiliki tanah, tinggal berhampiran atau di hilir kawasan itu.

Lebih membimbangkan, jika fenomena jualan tanah ini tidak di bendung, ia akan jadi lebih serius dan timbulkan konflik lebih besar. Tanah dibeli, kemungkinan oleh pengusaha ternakan babi, jika tidak dikawal akan meluaskan lagi la-

dang ternakan dan akhirnya mencetus pencemaran luar kawalan.

Gugat kesihatan, perpaduan

Pencemaran dan impak penerokaan babi bukan sahaja babit alam sekitar, tetapi kesihatan awam dan mengugur perpaduan berdasarkan kepercayaan agama. Kit pastinya masih ingat, satu ketika dahulu, akibat ternakan babi di kawasan sama negara diancam virus JE (Japanese Encephalitis).

Saya cadang supaya agensi perancangan kerajaan, khususnya kerajaan negeri Selangor beri perhatian serius terhadap kawalan dan kelulusan aktiviti ternakan babi, termasuk a) kawasan ternak babi hanya boleh diluluskan di kawasan khas mengambil kira kesesuaian lokasi dan sistem hidrologi; b) kenakan syarat ketat termasuk mekanisme pemprosesan najis setempat dan kawalan pencemaran khusus; c) sebarang projek yang boleh timbulkan konflik budaya dan kepercayaan perlu di runding dan dapat persefujuan komuniti setempat.

HAMAKHA → ISU.

PENCEMARAN NAJIS BABI DI KAMPUNG BATU LAUT, SELANGOR



Kedua-dua gambar ini merupakan hasil pencemaran akibat kandang babi di Kampung Batu Laut, Sepang, semalam.

JAS diarah siasat segera

➡ Siasatan untuk lihat bentuk pencemaran:
Wan Junaidi

Oleh Nazura Ngah,
Haryani Ngah dan
Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar (JAS) diarah menyiasat segera pencemaran najis babi di Kampung Batu Laut, Sepang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi

Tuanku Jaafar berkata siasatan itu adalah untuk melihat bentuk pencemaran akibat perternakan babi di kawasan itu.

"Kita faham, kalau ada perternakan babi di satu-satu tempat, penduduk setempat akan berdepan dengan masalah bau busuk. Oleh itu, kita perlu lihat bentuk pencemaran sebelum sebarang tindakan diambil."

"Sekiranya ia menyalahi undang-

undang, tindakan akan diambil ke

atas perternak terbabit dan jika ia perlu dipindahkan ke kawasan lain, kita akan bincangkan kawasan baru yang sesuai untuk perternakan babi," katanya ketika dijumpai di lobi Parlimen, semalam.

Masalah kepada penduduk

Wan Junaidi berkata, masalah pencemaran akibat perternakan babi sebelum ini pernah berlaku di kawasan berhampiran di sebuah lahan terbang di Sarawak yang

mendatangkan masalah kepada penduduk sekitar.

Bagi mengatasi masalah itu, kandang perternakan itu diarah berpindah ke kawasan lain.

BH semalam melaporkan najis babi yang disalurkan ke sungai, bukan setakat mencemar perkitaran kampung hingga pantai, malah menyebabkan penduduk khususnya orang Melayu sekitar Batu Laut berpindah ke luar selepas menjual tanah tercemar.

Kemenangan kampung tercantik tinggal kenangan

Kuala Lumpur: "Saya juga mahu berpindah jika berkemampuan dan ada tanah lain."

Demikian kata, RM Raja Dooral, 54, penduduk Batu Untung, Kampung Batu Laut, yang turut merimba kesan buruk akibat pencemaran najis babi di kawasan berkenaan.

Raja Dooral, yang mengusahakan tanaman sirih berkata sudah 50 tahun dia tinggal di kampung itu dan masalah itu tidak pernah selesai sejak sekian lama.

Katanya, dia juga sudah jemu dengan pencemaran bau di sekitar rumahnya.

"Keadaan semakin buruk hari demi hari terutamanya apabila air

najis babi disimpan dalam kolam kumbahan dan dilepaskan ke dalam saliran di hadapan rumah.

"Dahulu kawasan perternakan jauh ke dalam ladang tetapi kini kandang semakin banyak dan kerana penduduk menjual tanah kepada mereka," katanya.

Aduan tiada tindakan

Raja Dooral berkata dia dan mendiang bapanya pernah membuat laporan tetapi boleh dikatakan tiada tindakan langsung malah kandang babi semakin banyak dan besar kebakaran.

"Dahulu kampung ini pernah

meninggalkan kerana tiada yang menari boleh dikatakan kecuali kandang babi serta bau busuk sahaja," katanya.

Penduduk lain, A Sumati, 45, pula berkata, walaupun sudah 22 tahun tinggal di Batu Untung dia masih tidak lari dengan bau najis babi terutama sekali ketika berada di kuil.

"Setiap hari kira-kira jam 7.30 malam air najis babi dari kolam kumbahan dilepaskan ke saliran dan baunya sangat busuk dan tidak siapa yang boleh tahan."

"Kami sekeluarga akan tutup rapat segala pintu dan tingkap rumah untuk mengelakkan bau menyokong itu masuk tetapi itu tidak

menyelesaikan masalah pun," katanya.

Sumati berkata, dia bimbang masalah wabak Japanese Encephalitis (JE) akan memular semula jika kandang serta kolam kumbahan najis babi tidak diselia dengan baik.

"Disebabkan kami sekeluarga tinggal berselélahan dengan kandang babi, kami risau akan menjadi orang pertama terkena sebarang penyakit nanti," katanya.

RM Raja Dooral,
Penduduk

Untuk komen
e-mel ke bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online